

**Anwar : kita bukan mahu keganasan**  
**Malaysiakini.com**  
**Aug 18, 2008**

Penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihati penyokongnya agar tidak bertindak di luar batasan dan sentiasa memberikan kerjasama kepada polis.

"Saya ni bukanlah anti-polis. Jadi kita buatlah apa yang mereka suruh asal jangan bertentangan dengan apa yang kita mahu.

"Kita bukan mahu keganasan, kita mahu satu perubahan," beliau dilaporkan berkata kepada kira-kira 5,000 hadirin dalam sesi ceramahnya di Bukit Jelutong di Permatang Pasir malam tadi.

anwar ibrahim exclusive pre permatang pauh interview 130808 07Menurut laporan Bernama lagi, penyokongnya mula bersorak sambil melaungkan slogan "reformasi" apabila sebuah helikopter milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) berlegar di sekitar tapak ceramah.

Pilihan raya kecil parlimen Permatang Pauh menyaksikan pertandingan tiga penjuror antara Anwar, calon BN Datuk Arif Shah Omar Shah dan calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM), Hanafi Mamat.

Dalam ceramah Anwar di Kampung Belah Dua, di Permatang Pauh malam tadi, beliau berkata tidak mempunyai dana yang cukup bagi menaja makan dan minum para penyokong PKR yang hadir pada setiap ceramahnya.

"Puluhan ribu yang datang tetapi air pun tak ada. Saya tak mampu... Saya juga tidak mempunyai saham atau tanah," katanya.

Pada setiap ceramahnya, lapor agensi berita itu lagi, petugas PKR akan melakukan pungutan wang bagi menampung keperluan berkempen pada pilihanraya kecil ini yang akan diadakan pada 26 Ogos.

Anwar yang sentiasa dilihat menaiki kereta jenis Mercedes S320 berwarna perang di setiap ceramahnya juga menafikan kenderaan itu adalah miliknya.

"Kereta saya naik itu bukan saya punya. Tapi pak (bapa) saya punya. Saya ni tiada apa-apa pun. Kalau tak percaya boleh tanya Azizah (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isterinya dan juga residen PKR).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/88004>